



Rujukan Kami: JUPEM 18/7/2.15 Jld.1 (14)

Tarikh: 21 Mac 2012

## **Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri**

### **PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BILANGAN 1 TAHUN 2012**

---

### **PEMBATALAN PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN LAMA YANG TIDAK RELEVAN**

---

#### **1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk membatalkan Pekeliling-pekelling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan (KPUP) lama yang didapati tidak relevan lagi digunakan.

#### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pekeliling KPUP yang telah dikeluarkan sentiasa dikaji dari semasa ke semasa bagi memastikan ianya masih relevan untuk digunakan.
- 2.2 Kajian dijalankan dengan mengambil kira perlaksanaan sistem prosesan kerja yang terkini selaras dengan persekitaran eKadaster yang digunakan masa kini serta beberapa peraturan urusan pentadbiran yang tidak relevan untuk digunakan.
- 2.3 Oleh yang demikian, Pekeliling-pekelling KPUP yang didapati tidak relevan lagi untuk digunakan itu perlu dibatalkan.

### 3. SENARAI PEKELILING KPUP YANG DIBATALKAN

Senarai Pekeliling KPUP yang dibatalkan adalah seperti di Lampiran 'A'.

### 4. TARIKH BERKUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATUK PROF. SR DR. ABDUL KADIR BIN TAIB)**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Malaysia

#### **Salinan Kepada:**

#### **Agihan Dalaman:**

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II

Pengarah Ukur Bahagian Kadaster

Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan

#### **Agihan Luaran:**

Setiausaha

Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia

**SENARAI PEKELILING-PEKELILING KPUP YANG DIBATALKAN**

| <b>Bil.</b> | <b>No. Pekeliling</b> | <b>Tajuk Pekeliling</b>                                                                                                                                    |
|-------------|-----------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.          | 4/1965                | Peta-peta Bandar                                                                                                                                           |
| 2.          | 4/1970                | Pelan yang Dikemukakan oleh Juruukur Berlesen Berdasarkan Kepada Kelulusan yang Diberi oleh Pihak Berkuasa Negeri di Bawah Kanun Tanah Lama Sebelum 1.1.66 |
| 3.          | 10/1972               | Tandatangan di Atas Pelan Susunan yang Telah Diluluskan                                                                                                    |
| 4.          | 4/1974                | Peraturan Peraturan Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 1974                                                                                                 |
| 5.          | 8/1977                | Kelulusan Plan-plan Diakui yang Dikemukakan oleh Juruukur Berlesen Secara Berperingkat                                                                     |
| 6.          | 10/1977               | Tajuk Pelan Kadaster dan Contoh Pelan Kadaster Dalam Bahasa Malaysia                                                                                       |
| 7.          | 4/1979                | Kawalan Pengeluaran Nombor Nombor Lot Kepada Juruukur Tanah Berlesen                                                                                       |
| 8.          | 8/1981                | Panduan Bagi Menyediakan Rajah Kerja Luar                                                                                                                  |
| 9.          | 1/1983                | Peraturan dan Prosedur Ujian Rantai oleh Juruukur Tanah Berlesen                                                                                           |
| 10.         | 9/1987                | Peraturan-Peraturan 99(2) Juruukur Berlesen (Pindaan) 1974                                                                                                 |
| 11.         | 1/1988                | Penyediaan Laporan Nilai Prestasi Tahunan dan Laporan Nilai Prestasi Separuh Tahun                                                                         |
| 12.         | 3/1988                | Keperluan Menunjukkan Abutal di Atas Pelan Akui                                                                                                            |
| 13.         | 3/1989                | Pindaan Kepada Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bil. 6/1981 Mengenai Datum untuk Ukuran Kadaster dan Bearing Akui                               |
| 14.         | 1/1991                | Perintah Fee dan Bayaran (Peta, Ukur, Maklumat Ukur dan                                                                                                    |

|     |        |                                                                                                                                                                          |
|-----|--------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|     |        | Reproduksi) 1991                                                                                                                                                         |
| 15. | 4/1991 | Penyediaan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan, Laporan Prestasi Khas dan Laporan Nilaian Prestasi Separuh Tahun Bagi Pegawai-Pegawai Jabatan Ukur dan Pemetaan, Malaysia |
| 16. | 3/1993 | Pengeluaran Nombor Lot Kepada Juruukur Tanah Berlesen                                                                                                                    |
| 17. | 3/1995 | Pelaksanaan Pengukuran Trabas Piawai di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri                                                                                                 |
| 18. | 1/1997 | Keperluan Mengemukakan Data Berdigit oleh Juruukur Tanah Berlesen                                                                                                        |
| 19. | 2/1997 | Penyediaan Jilid Kiraan Elektronik Bagi Kerja Kerja Ukur Kadaster                                                                                                        |
| 20. | 4/1997 | Harga Data Ukur dan Pemetaan Berdigit yang Dikeluarkan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)                                                                   |
| 21. | 5/1997 | Format Tetap Pelan Terabas Piawai                                                                                                                                        |
| 22. | 3/1999 | Kenyataan 'Diperiksa Oleh' Dan 'Dicarta Oleh' di Atas Pelan Akui dan Pelan Akui Strata                                                                                   |
| 23. | 2/2003 | Prosedur Bagi Pemprosesan Kerja Ukur Hakmilik Tanah di Unit Prosesan Kadaster                                                                                            |
| 24. | 2/2005 | Penggunaan Koordinat Sistem Daripada Pangkalan Data Ukur Kadater (PDUK) dalam Ukuran Kadaster                                                                            |
| 25. | 4/2007 | Garis Panduan Melaksanakan Kerja-kerja Mobilisasi Fail-fail Ukur antara Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Secara Digital Sepenuhnya                                       |